



MAJLIS DAERAH PENDANG

IKLAN JAWATAN

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia keutamaan kepada rakyat Negeri Kedah Darul Aman yang berkelayakan serta berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup permohonan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan seperti berikut:

A.

BIL	JAWATAN	GRED	JADUAL GAJI		
			GAJI MINIMUM (RM)	GAJI MAKSIMUM (RM)	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN (RM)
1.	Pembantu Akauntan	W19	1,353.00	4,005.00	100.00
2.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N19	1,352.00	4,003.00	100.00
3.	Pembantu Operasi	N11	1,216.00	2,983.00	80.00
4.	Pembantu Awam	H11	1,218.00	2,939.00	80.00

B. SYARAT-SYARAT LANTIKAN

JAWATAN 1 - PEMBANTU AKAUNTAN, GRED W19

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - Warganegara Malaysia;
 - Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik dan Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.

- (Gaji permulaan ialah pada Gred W19 : RM 1,353.00) ; atau
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19 : RM 1,409.40); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19 : RM 1,409.40); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM 1,465.80); atau

- (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM 1,465.80)

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

RINGKASAN TUGAS:

Bertanggungjawab membantu melaksanakan sistem perakaunan kerajaan mengikut prosedur dan peraturan yang berkaitan

JAWATAN 2 - PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI), GRED N19

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM 1,352.00) ; atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM 1,408.40); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM 1,464.80).

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

RINGKASAN TUGAS:

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

JAWATAN 3 - PEMBANTU OPERASI, GRED N11

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Pentaksiran Tingkatan 3/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N11 : RM 1,216.00) ; atau

- (ii) Pentaksiran Tingkatan 3/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)]

(Gaji permulaan ialah pada Gred N11 : RM 1,262.15).

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan 3/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

RINGKASAN TUGAS:

- Melaksanakan tugas-tugas dalam membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat seharian melibatkan pergerakan fail, penghantaran dan pendaftaran surat/dokumen/saman/notis serta pemanduan kenderaan
- Memandu dan menyenggara kenderaan yang diliputi oleh lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E2

JAWATAN 4 - PEMBANTU AWAM, GRED H11

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Pentaksiran Tingkatan 3/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H11 : RM 1,218.00).

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan 3/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

RINGKASAN TUGAS:

Menjalankan tugas-tugas am bersifat hands-on yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja.

C. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Calon-calon yang dilantik adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

D. CARA PERMOHONAN

- (i) Pemohon **hendaklah** menggunakan Borang Permohonan Jawatan Majlis Daerah Pendang yang boleh didapati dengan **memuat turun** melalui Portal Rasmi MDP di **<https://pbt.kedah.gov.my/index.php/majlis-daerah-pendang/>**
- (ii) Borang permohonan jawatan yang lengkap diisi berserta dengan salinan dokumen perlu dihantar menggunakan sampul surat berukuran saiz A4 ke alamat:

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH PENDANG
06700, PENDANG
KEDAH DARUL AMAN**

- (iii) Tiada sebarang caj bayaran dikenakan kepada pemohon jawatan Majlis Daerah Pendang.
- (iv) Borang permohonan perlu diserahkan di Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 3, Wisma MDP, 06700 Pendang, Kedah Darul Aman.
- (v) Nama jawatan dan gred yang dipohon hendaklah dinyatakan di kiri sebelah atas sampul surat permohonan.
- (vi) Permohonan dari pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/ Pihak Berkuasa Tempatan/ Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am 17 Bab A 2005 dan hendaklah disertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang telah dikemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan terkini.
- (vii) Permohonan yang lewat diterima dan tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan tidak layak dan tidak akan dipertimbangkan.
- (viii) Hanya calon-calon yang berjaya dalam tapisan awal akan disenarai pendek untuk sesi ujian dan temuduga. **CALON YANG BERJAYA AKAN DIMAKLUMKAN MELALUI EMAIL, SURAT ATAU PANGGILAN TELEFON.**

- (ix) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
- (x) Tarikh Tutup Permohonan : **13 Oktober 2022**